

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

**NASKAH SAHIB/BAHASA
MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 20 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1432-L09737
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk memperkenalkan program Pengekalan PKS dalam memastikan PKS dapat melindungi pendapatan dan mampu bertahan sebagai antara pemain utama ekonomi pasca COVID-19.

2. PR-1432-L10003
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan unjuran kadar pengangguran negara dan anggaran jumlah penduduk yang menganggur sehingga akhir tahun ini serta menyatakan langkah-langkah yang diambil Kementerian dalam mengatasi lonjakan kenaikan kadar pengangguran terkini.

3. PR-1432-L08972
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang pihak FELCRA BHD di kawasan Parlimen P.207 Igan untuk membantu meningkatkan pendapatan para peserta kelapa sawit. Berapakah keluasan keseluruhan tanaman kelapa sawit yang diselenggarakan oleh pihak FELCRA BHD di Kawasan Parlimen P.207 Igan dan jumlah peserta yang terlibat.

4. PR-1432-L08846
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan indeks jenayah di Kuala Lumpur sebelum, semasa dan selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

5. PR-1432-L09141
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan mekanisme serta inisiatif yang diambil oleh Kementerian bagi membantu perkembangan koperasi di Malaysia terutama koperasi yang baru ditubuhkan atau yang bergelut dengan masalah aliran tunai.
6. PR-1432-L08881
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan untuk menyatakan sama ada Kerajaan mempertimbangkan pengenalan klausa dalam Akta Syarikat 2016 bagi mewajibkan syarikat-syarikat melaporkan gaji purata mengikut gender, pecahan gender mengikut gred gaji dan peratusan penerima bonus mengikut pecahan gender dalam laporan tahunan.
7. PR-1432-L09295
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebarang inisiatif baharu atau langkah khusus bagi menangani isu pemilikan rumah dalam kalangan generasi muda dan sejauh manakah kerjasama yang dijalankan bersama pemaju untuk mencapai matlamat tersebut.
8. PR-1432-L09407
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status pusat atlet di Bukit Jalil, berapa atlet yang telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan pusat atlet, dan rancangan kukuh dalam jangka masa pendek dan panjang untuk memberi sokongan kepada atlet dalam bidang pendidikan dan pekerjaan.
9. PR-1432-L08826
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini Projek Pembinaan ILP Serian.
10. PR-1432-L10021
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini penggunaan bahan getah dan plastik sebagai bahan tambahan untuk turapan jalan.

11. PR-1432-L09399

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah laporan penyalahgunaan lesen perniagaan seperti menjual serta menyewa lesen perniagaan kepada warga asing yang telah diterima oleh Kementerian sepanjang tahun 2019; dan
- (b) apakah strategi lain yang akan dilaksanakan bagi memastikan penyalahgunaan lesen ini tidak berulang pada masa akan datang.

12. PR-1432-L09164

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan komitmen Kerajaan Persekutuan baru untuk menyelesaikan isu masalah bekalan air di negeri Kedah. Nyatakan jumlah peruntukan dari Kerajaan Persekutuan yang telah disalurkan ke negeri Kedah bagi meningkatkan bekalan air sejak 2018.

13. PR-1432-L09067

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan memberi penjelasan mengapa isu kelewatan bayaran kepada kontraktor/pengusaha bas sekolah masih berlanjutan sehingga kini walaupun sudah dibangkitkan pada sesi sebelum ini. Kes terkini di mana seorang Pengerusi Pengusaha Bas sekolah di Pos Terisu, Cameron Highlands, Puan Noridah menyatakan kekecewaannya kerana tidak mendapat bayaran yang tertunggak selama 7 bulan dan terpaksa memberhentikan perkhidmatan van sekolahnya yang menyebabkan ramai anak-anak masyarakat Orang Asli tidak dapat ke sekolah.

14. PR-1432-L08944

Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini hasrat Kerajaan untuk meminda undang-undang yang dianggap zalim dan menindas seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012; Akta Hasutan dan lain-lain undang-undang drakonian.

15. PR-1432-L09452

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan usaha terkini pihak Kementerian dalam memastikan kenaikan harga barangan sentiasa terkawal terutama sekali dalam tempoh selepas Perintah Kawalan Pergerakan.

16. PR-1432-L09982
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengkaji semula denda yang tidak relevan kini dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti:-
- (a) Bahagian 8, Seksyen 70 mengenai pencemaran anak sungai yang cuma didenda tidak lebih lima ribu ringgit ; dan
 - (b) Bahagian 9, Seksyen 78 apabila sesebuah rumah diduduki dengan sesak hanya didenda tidak lebih RM2000 sahaja.
17. PR-1432-L08756
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah kes pemalsuan kad pengenalan dan pasport yang telah dapat dikesan dan apakah langkah-langkah pihak Kerajaan membanteras kegiatan pemalsuan tersebut.
18. PR-1432-L09315
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kesan kadar pengangguran yang tinggi terhadap ekonomi negara dan apakah rancangan strategi Kementerian bagi menangani situasi pengangguran yang teruk.
19. PR-1432-L09511
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan perkembangan terkini pembinaan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di negeri Kedah dan berapa jumlah projek perumahan terbengkalai yang dikawal selia Kementerian belum lagi terlaksana sehingga kini.
20. PR-1432-L09184
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apa keputusan atau hasil kajian untuk melaksanakan pilihan raya tempatan.
21. PR-1432-L09666
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk membantu rakyat supaya kekal dalam pekerjaan dan mampu meningkatkan kemahiran mereka dalam menghadapi cabaran kehidupan yang terkesan dengan wabak COVID-19.

22. PR-1432-L09440
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha yang diambil Kementerian untuk mengurangkan beban petani dan pekebun getah akibat penularan pandemik COVID-19.
23. PR-1432-L09579
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan impak COVID-19 terhadap usahawan desa terutamanya di kawasan Parlimen Balik Pulau dan bagaimana Kerajaan membantu usahawan desa meneruskan perniagaan mereka melalui platform dalam talian.
24. PR-1432-L09868
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi memastikan usahawan-usawahan MARA yang terjejas dengan pandemik COVID-19 tidak gulung tikar atau menghentikan perniagaan.
25. PR-1432-L09878
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kutipan denda oleh PDRM daripada syarikat dan individu yang melanggar PKP daripada bulan Mac hingga akhir bulan Jun 2020. Berapa syarikat dan individu telah didakwa ke mahkamah atas kesalahan pelanggaran PKP.
26. PR-1432-L08822
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah CIQS Tebedu akan dinaik taraf.
27. PR-1432-L08837
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah mula mengeluarkan kewarganegaraan secara lumrah kepada isteri warga asing rakyat Malaysia yang telah bermastautin di Malaysia selama 2 tahun kepada mereka yang memohon mengikut Perkara 15 Perlembagaan Malaysia. Nyatakan jumlah kewarganegaraan yang telah diberikan sejak 2018 kepada isteri sedemikian secara lumrah tanpa memerlukan isteri warga asing itu memegang pas lawatan tahunan untuk beberapa tahun terlebih dahulu.

28. PR-1432-L09299
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan program dan latihan khusus yang disediakan bagi golongan usahawan di kawasan luar bandar untuk berdepan dengan cabaran ketidaktentuan ekonomi akibat pandemik COVID-19 serta Revolusi Industri (IR 4.0) agar terus berdaya saing dalam bidang keusahawanan.
29. PR-1432-L08936
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci jumlah pemohon Malaysia yang telah diberikan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Malaysia dari tarikh 9 Mei 2018 sehingga Disember 2019. Nyatakan langkah-langkah penambah baik prosedur permohonan dan pelaksanaan pemberian kewarganegaraan kepada anak-anak yang dilahirkan di Malaysia kepada sekurang-kurangnya seorang ibu atau bapa yang merupakan warganegara Malaysia.
30. PR-1432-L09510
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini pelaksanaan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan (MPKKP) setelah perubahan Kerajaan di peringkat Persekutuan.
31. PR-1432-L08836
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siapakah yang dirujuk oleh Kerajaan dalam mukadimah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) bahawa tindakan telah diambil dan tindakan lanjut diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia untuk menyebabkan keganasan terancang.
32. PR-1432-L08755
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah terkini rakyat yang menganggur dan apakah langkah-langkah pihak Kerajaan bagi menangani masalah ini.
33. PR-1432-L08908
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah militan '*Islamic State*' rakyat Malaysia yang telah pulang, apakah tindakan yang diambil terhadap mereka dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan mereka tidak melaksanakan aktiviti-aktiviti penganas atau militan di Malaysia.

34. PR-1432-L09425

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan projek Menaikkan Taraf Jalan Balak (Fasa 4) yang diluluskan Kerajaan BN dahulu di kawasan pendalaman seperti kawasan P220 Baram seperti simpang jalan ke simpang Long Tungan Baram, Long Lellang Baram dan Tanjong Tepalit/ Long Selatong Baram.

35. PR-1432-L09833

Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai satu 'database' yang lengkap untuk Sabah dan Sarawak untuk semua kampung-kampung di bawah Kementerian berkenaan status bekalan api dan bekalan air dan status jalan dan akses kepada kemudahan jalur lebar. Apakah rancangan Kementerian berkenaan perkara ini.

36. PR-1432-L08731

Dato' Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian ada statistik kes tangkapan penyeludupan seperti dadah atau PATI sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dari bulan Mac sehingga kini di sempadan Sri Aman/Kalimantan Barat.

37. PR-1432-L09306

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

(a) sebab Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) melonggarkan permohonan penyedia latihan sebelum pelancaran inisiatif walaupun terdapat ribuan pelabur serta kepada sesiapa yang telah mengekalkan lesen selama bertahun-tahun dan apakah kriteria yang telah ditetapkan untuk mengeluarkan lesen baru; dan

(b) jumlah lesen yang dikeluarkan sebelum dan selepas Mac 2020.

38. PR-1432-L08974

Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa unit rumah yang telah dibina di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di kawasan Parlimen P.207 Igan sejak tahun 2015-2020 serta berapa jumlah permohonan yang diterima berbanding jumlah yang diluluskan. Apakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah kuantiti rumah PPRT pada masa akan datang memandangkan ramai yang memohon.

39. PR-1432-L08925
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja asing yang ada di negara kita setakat ini berdasarkan sektor yang mereka berada dan kewarganegaraan. Apakah pengubahsuaian akan dibuat dalam dasar pengambilan pekerja asing berikutan kesan pandemik COVID-19.
40. PR-1432-L08939
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes kematian bagi kanak-kanak bawah 18 tahun dalam tahanan imigresen sejak tahun 2015 sehingga Januari 2020.
41. PR-1432-L09190
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) status operasi membanteras golongan pendatang asing tanpa izin (PATI) dengan menghantar mereka pulang ke negara asal ketika krisis COVID-19 ; dan
 - (b) berapa jumlah bilangan PATI yang masih ada di negara ini.
42. PR-1432-L09310
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan anggaran pekerja yang hilang pekerjaan akibat pandemik COVID-19 dan strategi yang diguna pakai oleh pihak Kementerian untuk menangani pengangguran tersebut.
43. PR-1432-L09989
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terkini jumlah kutipan Skim Insuran Pekerja (SIP) dan berapa jumlah yang telah diagihkan kepada yang layak menerima.
44. PR-1432-L09992
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah yang diambil untuk membanteras kilang-kilang haram yang merugikan pendapatan negara.
45. PR-1432-L09903
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan penguatkuasaan Kementerian terhadap salah laku agensi pekerja asing yang begitu serius; dan

- (b) apakah jaminan kepada majikan pembantu rumah asing yang sering diketepikan.

46. PR-1432-L09890

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan tahanan di lokap polis mengikut perincian kaum dan kewarganegaraan bagi setiap tahun dari 2000 hingga 2019.

47. PR-1432-L10049

Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pemanasan global mendorong perubahan iklim luar biasa, nyata menjejaskan ekosistem di bumi. Kesan perubahan iklim juga dapat dirasai di Malaysia dengan berlakunya musim kemarau dan hujan yang lebih panjang serta tidak menentu. Ketidakstabilan cuaca ini menyebabkan krisis bekalan air ketika musim kemarau dan kejadian banjir yang buruk ketika musim hujan di beberapa negeri. Saban tahun, masyarakat yang mendiami kawasan mudah terjejas banjir diingatkan agar bersedia menghadapi bencana ini. Kesedaran peri pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar memerlukan masa dalam membentuk anjakan budaya khususnya dari kalangan kanak-kanak dan anak-anak muda. Soalan saya:-

- (a) apakah usaha Kerajaan dalam memupuk generasi baru yang peka kepada perubahan iklim ; dan
- (b) apakah bentuk insentif yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi melibatkan pihak swasta dan NGO ke arah usaha tersebut.

48. PR-1432-L09304

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah kesan wabak COVID-19 terhadap pekerjaan di Malaysia, termasuk statistik-statistik terkini dan sektor yang paling terjejas ; dan
- (b) apakah langkah-langkah akan datang Kementerian untuk membantu rakyat yang telah hilang pekerjaan dan tidak dapat mencari pekerjaan baharu.

49. PR-1432-L09921

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) bilangan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A, Perkara 16 dan Perkara 19 yang di dalam proses, yang telah diluluskan, yang telah ditolak sehingga kini dan sebab ditolak ; dan

- (b) bilangan pemain-pemain bola sepak asing, selebriti atau yang berstatus VIP yang telah dianugerahkan kewarganegaraan sehingga kini dan apakah akta dan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang telah digunakan dalam penganugerahan kerakyatan kepada golongan ini termasuk Liridon Krasniqi.

50. PR-1432-L09482

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah terdapat peruntukan untuk kerja-kerja membaik pulih struktur bangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Serigei Putatan kerana di kawasan Parlimen P.173 Putatan terdapat rekahan dan kerosakan kritikal di Projek Perumahan Rakyat Kg Serigei, Putatan yang pada bila-bila masa sahaja boleh mengundang kepada kemalangan jiwa. Limpahan air hujan boleh memenuhi tingkat 1 dan 2 bangunan ini.

51. PR-1432-L08892

Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan dalam mengatasi isu status '*stateless children*' yang terdapat begitu ramai di Sarawak.

52. PR-1432-L09812

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jaminan bahawa Kerajaan akan mengenakan hukuman yang berat terhadap pengkhianat yang bersubahat dalam penyeludupan masuk pendatang asing tanpa izin (PATI) dan apakah langkah-langkah penambahbaikan yang akan diambil bagi mengekang perkara seperti ini dari berulang.

53. PR-1432-L09412

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bersedia untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kes penyeludupan warga asing yang turut didalangi oleh anggota keselamatan negara; dan
- (b) apakah langkah strategik yang akan dilaksanakan bagi membanteras aktiviti penyeludupan pendatang asing tanpa izin ini.

54. PR-1432-L09470

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah alternatif yang Kerajaan sediakan untuk melindungi kanak-kanak yang ditahan di Depot Tahanan Imigresen (DTI) memandangkan operasi memburu pendatang tanpa izin serta penularan wabak COVID-19 di DTI membahayakan keselamatan dan kesihatan kanak-kanak yang ditahan.

55. PR-1432-L08723

Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina ICQ di Kem Tapak Megah, Bahagian Kapit dan di Long Singgut, Bahagian Kapit.

56. PR-1432-L09924

Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam membantu usahawan PKS yang terjejas akibat penularan wabak pandemik COVID-19.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]** akan mencadangkan

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (16 Julai, 2020)

2. (D.R 37/2019) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kesihatan]

3. (D.R 42/2019) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019 "

[Perdana Menteri]

4. (D.R. 25/2019) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 "

[Perdana Menteri]

5. PR-1432-UL064
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujui."

6. PR-1432-U(27)116

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

[Perdana Menteri]

7. PR-1432-U(27)114

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri Perpaduan Negara]

8. PR-1432-U(27)115

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

8. PR-1432-U(27)119

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

[Menteri Kewangan]

9. PR-1432-U(27)120

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

[Menteri Pengangkutan]

10. PR-1432-U(27)121

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

[Menteri Dalam Negeri]

11. PR-1432-U(27)122

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

[Menteri Dalam Negeri]

13. PR-1432-U(27)123

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

[Perdana Menteri]

14. PR-1432-U(27)124

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

[Menteri Pengangkutan]

15. PR-1432-U(27)126

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

16. PR-1432-U(27)127

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

17. PR-1432-U(27)128

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1432-U(27)125

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

19. PR-1432-U(27)117

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta passport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1432-U(27)118

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

[Menteri Sumber Manusia]

21. PR-1432-U(27)129

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

22. PR-1432-U(27)132

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."

[Perdana Menteri]

23. PR-1432-U(27)131

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

[Perdana Menteri]

24. PR-1432-U(27)130

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 20.07.2020 (Isnin)	1. YB Tuan Kesavan A/L Subramaniam (Sungai Siput)	1. Kelewatan Kelulusan Bagi Cadangan Perpindahan Tapak SJK(T) Ladang Changkat Salak (ABD 4116) Ke Tapak Baru	1. YB Menteri Pendidikan
2. 20.07.2020 (Isnin)	2. YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	2. Isu Polisi Pelarian Di Malaysia	2. YB Menteri Dalam Negeri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**